

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7851

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan tindakan diambil terhadap pegawai-pegawai
polis yang menyalahi hak undang-undang seperti piket yang sah oleh
kesatuan sekerja di ambil tindakan oleh pihak polis.**

X
Net-scanned

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kehadiran pihak polis dalam mana-mana perhimpunan atau berpiket adalah untuk mengawal keselamatan dan kententeraman awam supaya berjalan lancar tanpa perkara yang tidak diingini berlaku. Mana-mana peserta yang menghadiri sesuatu perhimpunan atau berpiket yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang atau yang telah diberikan kelulusan oleh pihak berkuasa untuk berhimpun adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang terpakai ketika ini. Pihak polis akan mengambil tindakan sewajarnya jika kumpulan yang berhimpun telah membuat gangguan terhadap lalulintas atau mengambil tindakan yang tidak selaras dengan mana-mana peruntukan di bawah mana-mana akta yang boleh mengakibatkan pemecahan keamanan.

Berkaitan pertanyaan yang dikemukakan, adalah dua isu yang berbeza, walaupun piket tersebut adalah sah di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan, tetapi masih tertakluk kepada undang-undang lain yang sedia ada. Dalam perkara ini, tiada tindakan tatatertib atau pendakwaan di mahkamah akan dikenakan oleh pihak polis yang mengambil tindakan dengan suci hati untuk mengawal perhimpunan berkenaan berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan yang sedia ada kecuali terdapat aduan yang menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak polis adalah secara kekerasan di luar batas kemanusiaan atau menyalahgunakan kuasa yang diberikan.